

13/09/1998

Sarawak berjaya pertahan ekonomi positif

KUCHING: Sarawak dijangka mencatat pertumbuhan ekonomi positif antara empat hingga lima peratus tahun ini, walaupun keadaan ekonomi di negara kini masih tidak menentu.

Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud, ketika membayangkan perkara itu berkata, ini berikutan kejayaan Sarawak mempertahankan pertumbuhan ekonominya setakat ini walaupun negara masih berusaha untuk keluar daripada kegawatan ekonomi.

Sehubungan itu, beliau menyeru rakyat terus berusaha mempertahankan kadar pertumbuhan ekonomi negeri dan negara ini dengan menyokong dasar pemulihan ekonomi yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, meskipun langkah itu drastik dan luar biasa, setakat ini ia berjaya menstabilkan nilai ringgit berbanding mata wang utama lain.

"Saya percaya langkah itu dapat membina keyakinan pelabur terhadap ekonomi negara, di samping melindungi sistem kewangan negara daripada diserang spekulator mata wang," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis perbarisan sempena Perayaan Ulang Tahun Ke-75 Yang Dipertua Negeri Tun Ahmad Zaidi Adruce Muhammed Noor yang diadakan di Padang Merdeka, di sini, semalam.

Beliau juga mengajak rakyat mengamalkan budaya menabung kerana ia membuktikan kejayaan yang cukup tinggi setakat ini iaitu kadar simpanan rakyat di negara ini setiap tahun antara 35 hingga 40 peratus.

"Jumlah ini dapat ditingkatkan jika rakyat mengamalkan budaya menabung berterusan bukan saja ketika negara dilanda kegawatan," katanya.

(END)